



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	28/7/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	13
JABATAN	:	JHS			

Rampas 50 tan balak

Pelbagai spesies kayu dan jentera bernilai RM1.45j dirampas

Oleh Erika George
am@hmetro.com.my

Sibu

Sebanyak 50 tan kayu balak pelbagai spesies dan saiz dirampas sepasukan polis dari Cawangan Risik Batalion 10 Pasukan Gerakan Am (PGA) Sibu dalam serbuan di kawasan hutan daerah Selangau, kelmarin.

Komander Briged Sarawak PGA, SAC Saini Bongkek dalam kenyataan semalam berkata, serbuan dijalankan pasukan PGA dalam Op Libas pada jam 4.20 petang itu menemukan longgokan kayu balak 50 tan.

"Turut ditahan lelaki tempatan berusia 55 tahun dipercayai penjaga kawasan pembalakan itu.

"Hasil semakan yang dijalankan mendapati kawasan penebangan kayu balak itu berada di luar kawasan



KAYU balak 50 tan pelbagai saiz dan spesies yang ditebang di kawasan pembalakan haram di kawasan hutan di Daerah Selangau.

berlesen sebagaimana yang dibenarkan Jabatan Hutan Sarawak (JHS)," ujar beliau.

Beliau berkata, jumlah keseluruhan rampasan dianggarkan RM1.45 juta termasuk sebuah jentolak dan jengkaut yang dipercayai digunakan bagi mengheret serta me-

ngeluarkan kayu balak dari kawasan hutan.

Menurutnya, tangkapan dan rampasan kemudiannya diserahkan kepada Jabatan Hutan Wilayah Sibu untuk tindakan dan siasatan lanjut.

"Dengan tangkapan yang

dilihat menjadi satu lagi kejayaan PGA di negeri ini menumpaskan kegiatan penebangan hutan secara haram dan luar kawasan lesen khusus di Sibu," katanya.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Ordinan Hutan Sarawak 2015.

